

How to get get out of detention

The self help guide for detainees

Version: Malay

Bagaimana keluar dari penahanan

Buku Panduan untuk tahanan

Jaminan untuk Tahanan Imigresen



PENAFIAN: Buku Panduan ini dikemaskini dari masa ke masa dan sejauh pengetahuan kami maklumat berikut adalah tepat pada masa penulisan. Walau bagaimanapun, undang-undang imigresen sering berubah dan anda dinasihat merujuk kepada peguamcara atau penasihat imigresen yang berkelayakan bahawa nasihat yang diberikan dalam buku ini adalah terkini dan yang berkaitan.

Jaminan untuk Tahanan Imigresen (JTI)

Freepost RTSU-ZICB-XCSX 1b Finsbury Park Road, London N4 2LA

Talian Telefon Khidmat Nasihat: 020 7456 9750 (Isnin-Khamis, 10 pagi-12 tengah hari)
Faks: 020 3745 5226

E-mel: : casename@biduk.org
Laman Web: www.biduk.org

NOTA KEPADA PEMBACA: KAMI TELAH CUBA MENGELOAK PENGGUNAAN KATA-KATA YANG SUKAR DIFAHAMI. PENERANGAN ATAS ISTILAH-ISTILAH KHUSUS BOLEH DIRUJUK DI BAHAGIAN **GLOSARI** DI MUKASURAT AKHIR DALAM BUKU INI.

Isi Kandungan:

Kata Pengantar

Nasihat Umum

Pengenalan

1. Kenapa saya di sini?

Apakah tahanan imigresen?

2. Empat cara keluar dari penahanan

Jaminan Kementerian Dalam Negeri

Jaminan dari hakim imigresen

Jaminan dari Mahkamah Tinggi

Jika kes imigresen anda berjaya

3. Mendapat Nasihat Perundangan

Permintaan seorang wakil undang-undang yang berkelayakan untuk memohon ikat jamin

Skim Tanggungjawab Penasihat Tahanan (DDA)

Membuat aduan terhadap penasihat undang-undang anda

4. Soalan-soalan lazim ditanya mengenai ikat jamin

5. Penjamin /Penyokong Kewangan

Apakah seorang penjamin /penyokong kewangan?

Adakah anda memerlukan penjamin /penyokong kewangan untuk memohon ikat jamin?

Siapakah yang boleh bertindak sebagai penjamin/penyokong kewangan?

Berapakah wang yang diperlukan?

Bilakah anda memaklumkan kepada mahkamah mengenai penjamin/penyokong kewangan anda?

Apakah yang akan berlaku kepada wang penjamin/penyokong kewangan?

Bolehkah anda mencari penjamin/penyokong kewangan jika anda tidak mempunyai kawan atau saudara dalam UK?

6. Penginapan

Penginapan dengan rakan atau saudara

7. Bagaimana memohon ikat jamin

Borang Permohonan B1

Contoh Borang B1

8. Bagaimana menulis alasan-alasan jaminan anda

Templat kosong untuk alasan-alasan jaminan

9. Pendengaran ikat jamin

Soalan-soalan kerap ditanya

Apa yang perlu dilakukan apabila anda mendapat tarikh pendengaran

Apa yang berlaku sebelum pendengaran anda – ringkasan jaminan

Tarikh pendengaran

Keputusan jaminan

Maklumat berguna dan kenalan

- Di mana borang-borang boleh didapati
- Senarai kumpulan pelawat pusat tahanan
- Senarai organisasi yang berguna
- Senarai peguamcara yang berurusan dengan kes-kes imigresen

Glosari

Kata Pengantar:

Mesej kepada semua tahanan daripada seorang bekas tahanan

“Nama saya Dennis. Saya ditahan di Pusat Permindahan Imigresen selama 3 bulan. Saya ditahan di sana selepas menjalani hukuman penjara selama 15 bulan atas satu kesalahan jenayah. Sebaik sahaja tiba di Pusat Imigresen, saya diberikan borang-borang jaminan oleh seorang Pegawai Imigresen tetapi saya tidak memohon ikat jamin kerana saya merasakan tiada harapan untuk saya memperolehinya. Saya tiada penjamin [orang yang memberi jaminan kewangan] dan tiada alamat. Tidak lama selepas saya tiba di IRC, salah seorang rakan saya di tahanan memohon jaminan tetapi jaminannya telah ditolak. Keadaan ini menawarkan saya untuk memohon ikat jamin. Rakan saya di tahanan tersebut mengemukakan £1500 sendiri. Saya fikir jika rakan saya tidak dapat jaminan maka tiada harapan bagi saya yang mempunyai £1 sahaja. Kemudian, saya terlihat satu iklan bengkel Jaminan untuk Tahanan Imigresen di perpustakaan. Saya mendapatkan senaskah buku panduan ikat jamin dan membacanya. Apabila saya baca buku panduan tersebut, saya seakan-akan tidak percaya kebenarannya bahawa saya boleh mendapat jaminan akan tetapi saya sudah membuat keputusan untuk mendapat maklumat lebih lanjut.

Apabila saya berada di bengkel tersebut, saya mula berfikir bahawa saya mungkin boleh mendapatkan jaminan. Jaminan untuk Tahanan Imigresen (JTI) membantu saya untuk memahami cara untuk memperoleh jaminan dan alasan-alasan yang saya harus berikan kepada Hakim Imigresen. Bengkel tersebut juga membantu saya memahami bahawa saya mungkin boleh memohon jaminan dengan banyak kali. Kali pertama saya memohon untuk dijamin telah gagal. Saya sudah mengetahuinya daripada bengkel itu bagaimana saya boleh memohon sekali lagi maka saya hanya sedikit kecewa.

Permohonan jaminan kali kedua saya juga gagal. Kali ini saya berasa susah hati. Saya tidak mahu memohon jaminan sekali lagi kerana saya tidak boleh melihat sebarang harapan untuk dibebaskan. Ringkasan-ringkasan ikat jamin saya memberi gambaran yang buruk terhadap saya dan mereka menjadi semakin buruk setiap kali. Saya berasa susah hati melihat apa yang dikatakan oleh Kementerian Dalam Negeri mengenai saya.

Rakan saya menggalakkan saya untuk memohon ikat jamin sekali lagi. Saya memohon ikat jamin untuk kali yang ketiga. Pada tarikh pendengaran, saya berasa positif. Hakim memberikan saya ikat jamin. Hakim tersebut membebaskan saya atas alasan yang sama di mana hakim sebelumnya menggunakan alasan yang sama untuk menolak permohonan saya. Saya berasa cukup gembira dibebaskan.

Saya menceritakan cerita saya kerana saya berfikir anda juga boleh mendapatkan jaminan dengan mewakili diri sendiri. Anda harus mencuba sebanyak kali yang mungkin. Jika anda gagal untuk mendapat jaminan buat pada satu masa, anda akan belajar cara untuk memperbetulkan perkara-perkara tertentu untuk permohonan anda yang berikutnya. Ia tidak melibatkan sebarang kos dan anda boleh memperolehi begitu banyak. Semoga Berjaya.”

Nasihat umum mengenai cara terbaik untuk mewakili diri sendiri

1. Pastikan anda menyimpan semua dokumen yang dihantar kepada anda oleh Kementerian Dalam Negeri, atau wakil perundangan anda

Anda mungkin teringin memusnahkan dokumen yang kelihatannya tidak penting kepada anda JANGAN MUSNAH ATAU BUANG SEBARANG DOKUMEN.

Bertapa tidak penting satu-satu dokumen, ia mungkin penting untuk kes anda. Simpan sebarang penolakan jaminan, ringkasan-ringkasan jaminan atau surat-surat dari Kementerian Dalam Negeri yang berkaitan kes anda. Jika anda berjumpa peguamcara atau penasihat, bawa dokumen-dokumen bersama supaya anda dapat menunjukkannya kepada mereka.

2. Jika anda faks ke Kementerian Dalam Negeri, pastikan anda simpan salinan surat dan resit faks yang menunjukkan bahawa surat anda telah dihantar.

Resit faks boleh disimpan sebagai bukti bahawa anda sudah menulis kepada Kementerian Dalam Negeri. Adalah tanggungjawab mereka untuk membalas anda jika anda menghubungi mereka. Jika anda boleh membuktikan bahawa mereka belum membalas, ia boleh membantu anda dengan kes anda.

3. Cuba kekal sopan setiap waktu terhadap kakitangan Pusat Permindahan dan hakim-hakim imigresen.

Anda mungkin percaya bahawa anda dilayan secara teruk. Anda juga mungkin rasa marah dan kecewa terhadap situasi anda. Walau bagaimanapun, jika anda berkelakuan cara yang dianggap kasar atau agresif, ia boleh digunakan sebagai alasan terhadap anda untuk terus menahan anda. Jangan memberi alasan kepada pegawai-pegawai untuk menyukarkan hidup anda. Jika anda mempunyai aduan, anda boleh melakukan secara bertulis dengan sopan dan boleh meletakkan aduan anda di kotak **IMB** (Independent Monitoring Board) atau Lembaga Pemantauan Bebas yang ditempatkan di pusat tahanan.

4. Tulis kepada kakitangan yang bertanggungjawab terhadap kes anda untuk mengetahui perkembangan kes anda.

Ini bukan sahaja dapat memaklumkan anda, tetapi juga akan menunjukkan kepada mahkamah bahawa anda sedang mengambil langkah-langkah untuk perkembangan kes anda. Ini boleh membantu anda mendapat pembebasan.

(Komen [HL1] Ayat berikut di versi sebelum ini telah dikeluarkan)

Pengenalan

Siapa yang menulis buku panduan ini?

Jaminan bagi Tahanan Imigresen (**JTI**) adalah satu badan amal yang bebas. **Kami bukan sebahagian daripada Kementerian Dalam Negeri atau pusat-pusat permindahan.** Kami percaya bahawa setiap orang mempunyai hak kebebasan. Kami membantu orang yang ditahan untuk mencabar penahanan mereka dan mendapatkan kebebasan mereka. Kami melakukan ini dengan:

- Memberi nasihat telefon mengenai cara memohon jaminan.
- Mengelolakan bengkel-bengkel dan sesi-sesi nasihat undang-undang di sesetengah pusat pemindahan dan penjara untuk memberi panduan kepada tahanan-tahanan tentang cara membuat permohonan jaminan sendiri.
- Membuat beberapa permohonan bagi pihak tahanan sendiri. Oleh kerana kami adalah sebuah organisasi kecil, kami hanya boleh melakukan ini untuk bilangan tahanan yang sangat kecil.
- Menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan dasar mengenai tahanan dan jaminan. Kami tidak percaya seseorang itu harus ditahan dalam tahanan tetapi sementara penahanan masih wujud, kami memberikan bukti kepada kerajaan, ahli-ahli politik, mahkamah-mahkamah dan pusat-pusat permindahan untuk cuba memperbaiki prosedur-prosedur jaminan dan penahanan.
- Menyokong peguam-pegawai dengan cara untuk membantu pelanggan-pelanggan mereka mencabar penahanan yang menyalahi undang-undang.

Kenapa buku panduan ini telah ditulis

Adalah sukar bagi para tahanan untuk mencari wakil undang-undang yang berkualiti yang akan membantu mereka memohon ikat jamin. Jaminan untuk Tahanan Imigresen (**JTI**) menganggap setiap tahanan perlu mempunyai seorang wakil undang-undang yang dikenakan secara automatik untuk jaminan. Sehingga ini berlaku satu-satunya pilihan anda adalah memohon jaminan pembebasan anda sendiri. Buku panduan ini memberitahu anda bagaimana untuk melakukan ini.

Cara menggunakan buku panduan ini

- Baca keseluruhan buku panduan ini.
- Jika Jaminan untuk Tahanan Imigresen (**JTI**) menjalankan bengkel di pusat pemindahan atau penjara, datang ke bengkel seterusnya.
- Isi Borang B1 Permohonan Jaminan. Borang ini boleh didapati di pusat permindahan dan perpustakaan-perpustakaan penjara.

- Tulis satu kenyataan, juga dikenali sebagai 'alasan-alasan untuk jaminan'.
- Hantar permohonan jaminan anda ke mahkamah
- Bersedia untuk pendengaran anda

Buku panduan ini hanya mengenai jaminan dan bukan kes imigresen utama atau suaka anda.

Kedua-dua kes tersebut berkaitan tetapi mereka juga berasingan kerana:

Kes permohonan jaminan anda adalah mengenai mendapatkan pembebasan anda dari penahanan.

Kes imigresen/suaka anda adalah mengenai mengapa anda harus mengekal di UK

Bab 1: Kenapa saya di sini?

Jika anda sedang membaca buku ini, kemungkinan anda, atau orang yang anda kenali, berada dalam tahanan imigresen. Anda ingin tahu apa yang perlu dilakukan seterusnya. Buku ini bertujuan menyampaikan apa yang perlu dilakukan seterusnya. Ini disebabkan kebanyakan orang dalam tahanan tidak mempunyai latar belakang dalam undang-undang, kami telah cuba menulis buku ini dengan cara di mana semua orang dapat memahami. Kami mula dengan yang paling asas...

Apakah itu tahanan imigresen?

Sekitar UK terdapat beberapa pusat tahanan yang digunakan oleh kerajaan UK untuk menempatkan orang yang mereka percaya tidak mempunyai hak undang-undang yang sah untuk tinggal di UK, atau mereka yang hak undang-undang yang sah berada di sini yang sedang dipertimbangkan, sementara pihak berkuasa cuba untuk memindah atau menghantar mereka pulang. Selain itu, beberapa penjara juga digunakan untuk tujuan yang sama.

Mengapa saya berada di tahanan?

Sebab-sebab penahanan anda mungkin berbeza, tetapi kumpulan orang berikut sering ditahan.

- Warga asing yang telah ditahan di sempadan dari memasuki UK.
- Warga asing yang telah diberkas di UK, kerana mereka tidak mempunyai visa yang sah.
- Warga asing yang telah dipenjarakan kerana jenayah, dan telah menjalani hukuman penjara yang dijatuhkan.
- Warga negara asing yang telah menuntut suaka atau yang telah memohon izin tinggal di UK, dan sedang menunggu keputusan.
- Warga asing yang telah memohon suaka atau memohon kebenaran untuk terus tinggal di UK, dan sedang menunggu keputusan untuk dikeluarkan.

Mungkin ada sebab lain mengapa anda ditahan. Kementerian Dalam Negeri mesti memberitahu anda sebab-sebab mengapa anda telah ditahan pada masa penahanan anda. Ini adalah dalam bentuk yang dipanggil IS91R. Jika anda belum diberikan satu, tanyakan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk memberikannya kepada anda.

Walau bagaimanapun, jika anda masih tidak pasti mengapa anda telah ditahan, terdapat satu atau dua cara untuk mengetahui.

- Tulis kepada Kementerian Dalam Negeri dan minta mereka menjelaskan kepada anda sebab penahanan anda.
- Lihat Laporan Kemajuan Bulanan (Monthly Progress Report - **MPR**), dokumen yang perlu dihantar kepada anda oleh Kementerian Dalam Negeri setiap bulan yang anda sedang dalam tahanan. Dokumen ini harus menyatakan mengapa anda telah ditahan.
- Lihat Ringkasan Jaminan anda. Ini adalah dokumen yang akan anda terima dari Kementerian Dalam Negeri pada hari sebelum pendengaran jaminan. Terdapat lebih banyak butiran mengenai perkara ini dalam Bab 9.

Apakah gunanya penahanan?

Ini adalah soalan yang baik. Kerajaan UK percaya bahawa keperluan untuk menahan orang adalah untuk memastikan mereka tidak hilang sebelum mereka dihantar keluar dari UK. Jaminan untuk Tahanan Imigresen (**JTI**) tidak percaya bahawa penahanan diperlukan. Kami percaya bahawa ada alternatif-alternatif selain daripada penahanan yang boleh memastikan bahawa seseorang itu akan tetap berhubung dengan pihak berkuasa, (tanpa membangkitkan kemarahan mereka dan menafikan kebebasan di mana ia merupakan akibat yang tidak dapat dielakkan di tahanan imigresen)

Baik, jadi berapa lama saya perlu tinggal di sini?

Malangnya tidak ada had masa untuk tahanan imigresen. Walaupun kebanyakan orang berada dalam tahanan selama beberapa hari atau minggu, sesetengah orang berada dalam tahanan lebih lama, mungkin bertahun-tahun.

Tunggu, saya boleh berada di sini selama bertahun-tahun?

Ini adalah kes-kes yang melampau. Biasanya, penahanan yang panjang berlaku apabila tidak mungkin untuk mengembalikan seseorang itu kembali ke negara asal mereka, dan di mana isu-isu yang rumit, seperti pembabitan risiko terhadap orang awam.

Saya faham. Jadi bagaimana saya boleh keluar dari tahanan?

Sebenarnya terdapat beberapa cara seseorang boleh dibebaskan dari tahanan. Dalam bab seterusnya, kami akan mengkjinya.

Kategori-kategori khas tahanan:

Sekiranya anda berada di dalam mana-mana kumpulan di bawah adalah sangat penting untuk anda memberitahu wakil undang-undang anda, jika anda mempunyai seorang wakil undang-undang atau Penasihat Tahanan yang bertugas (peguam yang disediakan di bawah bantuan guaman di pusat pemindahan) dengan segera:

- Jika anda mempunyai "arahan permindahan"**

Sekiranya Kementerian Dalam Negeri mengarah anda "arahan-arahan pemindahan" (tarikh yang anda akan dikeluarkan dari UK), biasanya anda tidak digalakkan untuk memohon ikat jamin sementara arahan ini disediakan, Jaminan untuk Tahanan Imigresen (**JTI**) tidak dapat membantu menghentikan orang daripada dikeluarkan dari UK. Anda perlu menghubungi peguamcara imigresen untuk mempunyai peluang untuk menghentikan penyingkiran anda.

- Jika anda berusia di bawah 18 tahun**

Dasar Kementerian Dalam Negeri mengatakan bahawa seseorang yang berusia di bawah 18 tahun yang bersendirian di UK sepatutnya hanya ditahan semalam sementara pengaturan penjagaan lain dibuat.

Jika Kementerian Dalam Negeri tidak percaya bahawa anda berusia di bawah 18 tahun, minta wakil undang-undang anda atau Penasihat Tahanan untuk menghubungi Majlis Pelarian, Seksyen Kanak-kanak melalui telefon di 020 7346 1134. E-mel: children@refugeecouncil.org.uk. Buka dari Isnin hingga Jumaat: 9.30 pagi - 5.30 petang.

- Sekiranya anda adalah mangsa penyeksaan**

Dasar Kementerian Dalam Negeri mengatakan bahawa jika terdapat bukti bahawa seseorang telah diseksa dan bahawa mereka 'sangat terdedah kepada bahaya' dalam tahanan, mereka adalah 'orang dewasa yang berisiko'. Anda masih boleh ditahan sekiranya Kementerian Dalam Negeri memutuskan bahawa "Pertimbangan imigresen" melebihi tahap risiko anda. Walau bagaimanapun, anda harus menerangkan kepada pusat perubatan di pusat permindahan bahawa anda adalah mangsa penyeksaan yang terselamat dan meminta mereka memastikan kementerian Dalam Negeri juga dimaklumkan tentang penyeksaan anda. Ini dipanggil "Laporan Peraturan 35"("Rule 35 Report"). Anda dan wakil perundangan anda mempunyai hak untuk mendapatkan salinan laporan ini.

Kementerian Dalam Negeri dikehendaki mempertimbangkan Laporan Peraturan 35 (Rule 35 Report) dalam masa 2 hari. Jika ia memutuskan untuk menahan anda dalam tahanan, ia akan memberikan alasannya kepada anda secara bertulis.

- **Sekiranya anda menghadapi sebarang masalah kesihatan yang serius ataupun masalah gangguan mental**

Polisi Kementerian Dalam Negeri juga menyatakan bahawa sesiapa yang menghidapi masalah kesihatan yang serius ataupun masalah gangguan mental juga digolongkan sebagai “dewasa berisiko” dan bahawa pertimbangan khusus perlulah diaplikasikan ketika memutuskan sama ada mereka sepatutnya dikekalkan di bawah penahanan.

Sekiranya anda menghadapi masalah kesihatan yang serius, anda harus pastikan bahawa kakitangan di pusat penahanan tersebut mengetahui mengenai perkara ini.

Anda boleh menghubungi organisasi yang dikenali sebagai Keadilan Perubatan (Medical Justice). Anda boleh membuat dalam talian merujuk diri sendiri, atau wakil sah anda, ahli keluarga, pelawat boleh melakukan ini untuk anda. Laman web mereka adalah: www.medicaljustice.org.uk. Nombor telefon: 020 7561 7498.

Anda perlu memohon ikat jamin dengan segera, dan pastikan bahawa anda memberikan mahkamah bukti keadaan anda, supaya mereka dapat melihat bahawa penahanan bukanlah satu tempat yang sesuai untuk seseorang dalam keadaan anda.

Jika anda mempunyai anak dalam UK, Kementerian Dalam Negeri mempunyai kewajipan untuk mempertimbangkan kebijakan kanak-kanak apabila mempertimbangkan sama ada untuk menahan anda.

Bab 2: 4 Kaedah bebasan dari penahanan

Terdapat empat kaedah untuk membebaskan diri dari penahanan imigresen:

- Dengan ikan jamin “Kementerian Dalam Negeri”
- Jika kes imigresen utama anda bejaya
- Bebasan daripada Mahkamah Tinggi
- Ikat jamin daripada hakim imigresen (Ikat jamin Tribunal)

Bolehkah saya memohon ikat jamin kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga kepada Tribunal Peringkat Pertama pada masa yang sama?

Boleh. Anda boleh memohon ikat jamin kepada Kementerian Dalam Negeri sebanyak kali yang anda ingin dan sama juga apabila anda sedang memohon ikat jamin Tribunal.

Tiada sebarang kos bagi ikat jamin Kementerian Dalam Negeri, dan ini merupakan kaedah yang baik untuk dicubakan. Walaupun Kementerian Dalam Negeri menolak permohonan ikan jamin anda, ini adalah masih berguna untuk mendapatkan balasan daripada mereka.

Ikat jamin Kementerian Dalam Negeri

Anda boleh memohon ikat jamin kepada Kementerian Dalam Negeri dengan Borang Kementerian Dalam Negeri 401. Anda sepatutnya diberikan borang ini oleh kakitangan di Pusat Penyingkiran Imigresen anda ataupun oleh Kementerian Dalam Negeri jika anda adalah di bawah penahanan di penjara.

Borang 401 ini adalah serupa dengan borang ikat jamin B1 yang digunakan untuk memohon ikat jamin Tribunal. Kami akan menerangkan kepada anda cara untuk melengkapkan borang ikat jamin B1 dalam Panduan ini.

Ikat jamin Kementerian Dalam Negeri yang diluluskan akan dikeluarkan di kertas sahaja. Anda tidak akan mempunyai pendengeran ikat jamin.

Anda akan menerima keputusan daripada Kementerian Dalam Negeri dalam masa 10 hari dari tarikh pemohonan ikat jamin anda. Anda harus memastikan bahawa anda menyimpan satu salinan pemohonan ikat jamin anda ataupun sebarang surat. Jika anda tidak menerima balasan apabila anda sedang memohon ikat jamin Tribunal, adalah sangat sangat penting untuk menunjukkan salinan pemohonan ikan jamin anda atau surat kepada hakim imigresen. Hakim tersebut akan mengetahui bahawa anda tidak menerima sebarang balasan dan akan mengarahkan Kementerian Dalam Negeri untuk menjelaskan sebab-sebab mereka tidak membalias terhadap pemohonan anda.

Jika kes imigresen utama atau perlindungan anda diluluskan

Jika kes imigresen utama atau perlindungan anda diluluskan dan Kementerian Dalam Negeri memberikan kebenaran kepada anda untuk mengekal di UK, anda sepatutnya dibebaskan kerana pihak berkuasa tidak mempunyai hak untuk menahan anda.

Walau bagaimanapun, jika rayuan kes immigresen atau suaka anda diluluskan, Kementerian Dalam Negeri masih berhak untuk menahan anda apabila rayuan sedang ditimbangkan ataupun rayuan anda ditentangkan. Akan tetapi, jika anda berjaya dalam rayuan, ini akan membantu anda dalam pemohonan ikat jamin.

Pelepasan oleh Mahkamah Tinggi

The Mahkamah Tinggi Keadilan (ataupun dikenali sebagai Mahkamah Tinggi) adalah Mahkamah yang tertinggi dalam England and Wales. Antara perkara-perkara lain, Mahkamah Tinggi akan merujuk kepada keputusan dari mahkamah-mahkamah lain dan pihak berkuasa lain (termasuk Kementerian Dalam Negeri).

Jika Kementerian Dalam Negeri menahan anda tanpa mengikut undang-undang yang ditetapkan, anda boleh meminta Mahkamah Tinggi untuk memutus sama ada penahanan anda mengikut undang-undang ataupun tidak. Ini merupakan “Pemohonan Semakan Kehakiman” (Judicial Review or JR). Perkara-perkara di Mahkamah Tinggi adalah sangat rumit dan kos tinggi akan dikenakan. Oleh sebab itu, anda akan memerlukan bantuan daripada peguamcara ataupun bantuan guaman.

Ikat jamin daripada hakim imigresen (Ikat jamin tribunal)

Ikat jamin yang akan dipertimbangkan oleh Tribunal Peringkat Pertama (ataupun Ikat jamin Tribunal) (Tribunal bail) adalah yang di bawah penahanan Kementerian Dalam Negeri akan dibebaskan oleh hakim immigresi dengan syarat-syarat tertentu. Sesiapa yang di bawah penahanan berhak untuk memohon ikat jamin Tribunal jika mereka berada dalam UK sekurang-kurangnya 8 hari.

Mengapakah saya harus memohon ikat jamin Tribunal?

Seorang orang bebas (dikenali sebagai Hakim Tribunal Peringkat Pertama ataupun hakim imigresen) akan menentu penahanan anda oleh Kementerian Dalam Negeri adalah wajar atau tidak. Jika anda tidak memohon ikat jamin Tribunal, hanya Kementerian Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan penahanan anda.

Anda berhak untuk bersuara dan tidak akan diabaikan di pusat penyingkiran ataupun di penjara.

Untuk memohon ikat jamin Tribunal diri sendiri

- Anda tidak perlu mengetahui undang-undang tersebut.
- Anda tidak perlu mengetahui perkataan-perkataan undang-undang tersebut.
- Anda tidak perlu bercakap dalam bahasa Inggeris. Anda boleh meminta bantuan jurubahasa.

Buku panduan ini memberi panduan terutamanya tentang ikat jamin daripada hakim imigresen kerana jenis pemohonan ikat jamin ini merupakan hanya penimbangan penahanan anda. Anda boleh meminta hakim imigresen melepaskan anda walaupun anda tidak mempunyai bantuan daripada peguamcara.

Dalam bab yang seterusnya, kami akan menjelaskan cara-cara untuk mendapatkan nasihat undang-undang dan bekerja bersama dengan wakil yang sah di sisi undang-undang.

Bab 3: Mendapatkan Nasihat Undang-undang

Bagaimanakah saya meminta seorang wakil undang-undang agar memohon untuk ikat jamin Tribunal?

Sekiranya anda telah mempunyai wakil undang-undang seperti seorang peguamcara, beliau merupakan orang terbaik untuk bertanya tentang nasihat mengenai ikat jamin atau untuk membuat permohonan untuk jaminan bagi pihak anda. Ini adalah sebahagian daripada kerja mereka untuk mempertimbangkan permohonan untuk pelepasan anda.

Walaupun terdapat penasihat yang melawat pusat tahanan untuk memberikan nasihat percuma (sila merujuk ke bawah), jika anda mempunyai wang, anda mungkin ingin bayar untuk perkhidmatan seorang peguamcara untuk mengurus kes anda.

MAKLUMAT PENTING: JANGAN SESEKALI BAYAR SEORANG PEGUAMCARA ATAU PENASIHAT UNTUK MENGENDALIKAN KES ANDA TANPA MEMERIKSA SAMA ADA MEREKA BERASAL DARI ORGANISASI YANG BOLEH DIPERCAYAI. TERDAPAT PENASIHAT YANG TIDAK JUJUR YANG AKAN BERSETUJU MENERIMA PEMBAYARAN ANDA TETAPI TIDAK AKAN MEMBUAT APA-APA UNTUK MEMBANTU KES ANDA, ATAU LEBIH TERUK LAGI, MEROSAKKAN KES ANDA. PERPUSTAKAAN DI PUSAT TAHANAN ANDA SEHARUSNYA MEMPUNYAI SENARAI PENASIHAT YANG BOLEH DIPERCAYAI.

Skema Nasihat Kewajipan Tahanan (Detention Duty Advice DDA)

Skema Nasihat Kewajipan Tahanan (DDA) merupakan skema nasihat undang-undang percuma yang disediakan oleh peguam dan penasihat yang dikawal selia oleh Agensi Bantuan Guaman (Legal Aid Agency).

Dalam skema ini, setiap Pusat Penyingkiran Imigresen (Immigration Removal Centre) mempunyai peguam yang berada di pusat tersebut untuk beberapa hari setiap minggu. Para peguam akan pergi ke IRC untuk memberikan nasihat secara percuma. Anda hanya perlu mendaftarkan diri di perpustakaan untuk membuat temu janji. Hanya firma undang-undang dengan kontrak DDA untuk pusat penyingkiran anda boleh mengendalikan kes anda di bawah bantuan guaman (pembayaran awam).

Sekiranya anda mempunyai peguamcara bukan DDA yang mengendalikan kes anda *sebelum* ditahan, dan masih mengendalikan kes anda, ini tidak membawa apa-apa kesan, mereka boleh teruskan mewakili anda asalkan mereka telah melakukan kerja sekurang-kurangnya lima jam bagi kes anda.

Untuk mengetahui organisasi mana yang mempunyai kontrak DDA untuk pusat penyingkiran anda, sila lihat seksyen DDA in bahagian belakang panduan ini. Sila pastikan informasi ini adalah informasi terkini, kerana peguamcara yang melawat mungkin berubah.

Para peguam bawah skema DDA telah diberitahu oleh LAA bahawa mereka harus mengendalikan kes permohonan ikat jamin secara berasingan daripada kes imigresen anda. Dalam kebanyakan kes mereka sepatutnya memohon untuk jaminan walaupun kes imigresen anda tidak boleh diberi pembiayaan awam.

Sekiranya anda ditahan di penjara, situasi anda berbeza. Anda boleh menghubungi mana-mana peguamcara untuk menolong anda asalkan pejabat mereka berada dalam jarak munasabah daripada penjara. Sila minta daripada pegawai penjara untuk senarai peguamcara berdekatan.

Peguamcara saya tidak bagus. Bolehkah saya mengadu?

Pertama sekali, anda seharusnya memberitahu peguamcara anda bahawa anda tidak gembira dengan kerja mereka. Jika masalah masih tidak diselesaikan, anda patut membuat aduan kepada wakil undang-undang anda secara bertulis. Mereka mesti menjawab aduan bertulis anda dalam tempoh masa tertentu.

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan jawapan mereka, anda boleh membuat aduan kepada Pihak Berkuasa Pengawas Peguam (Solicitors Regulation Authority), Ombudsman Undang-undang (Legal Ombudsman), atau Pejabat Pesuruhjaya Perkhidmatan Imigresen (Office of the Immigration Services Commissioner OISC):

1. Sekiranya wakil undang-undang anda adalah seorang peguamcara, anda boleh membuat aduan kepada Pihak Berkuasa Pengawas Peguam (SRA). Anda boleh menghubungi mereka di 0370 606 2555. Untuk maklumat lanjut layari laman web mereka di www.sra.org.uk.
2. Anda juga boleh membuat aduan berkenaan peguamcara anda kepad Ombudsman Undang-undang di 0300 555 0333, Isnin - Jumaat, 8.30 pagi – 5.30 pm. Untuk maklumat lanjut layari laman web mereka di www.legalombudsman.org.uk.
3. Pejabat Pesuruhjaya Perkhidmatan Imigresen (OISC) bertanggungjawab untuk mengawal selia semua penasihat imigresen yang tidak dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Pengawas Peguam atau Majlis Peguam. Anda boleh menghubungi mereka melalui telefon di 0345 000 0046 atau melayari laman web mereka di <https://goo.gl/qVnSRn>.

Adakah peguamcara saya akan memohon ikat jamin untuk saya?

Anda perlu bertanya kepada peguamcara anda sama ada mereka akan membuat permohonan jaminan. Terdapat beberapa sebab kenapa wakil undang-undang anda berkemungkinan tidak ingin membuat permohonan jaminan untuk anda, sebagai contoh:

- Mereka sedang cuba melepaskan anda daripada penahanan dengan cara lain.
- Mereka sedang menunggu perubahan dalam kes (terutamanya di mana permohonan ikat jamin telah dipohon dan ditolak).
- Mereka mengatakan bahawa anda memerlukan orang yang mampu memberi jaminan kewangan
- Anda mempunyai ‘Arahan Penyingkiran’ (Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan notis bahawa anda akan dikeluarkan dari UK)
- Mereka berpendapat bahawa permohonan ikat jamin anda mempunyai peluang rendah atau mengatakan bahawa mereka tidak boleh menggunakan pembiayaan awam (dalam keadaan ini, anda mempunyai hak ‘review’ (rayuan) terhadap keengganan representasi undang-undang daripada peguamcara bantuan guaman).

Sekiranya peguamcara anda tidak menolong anda memohon ikat jamin Tribunal, anda masih boleh membuat permohonan sendiri tanpa peguamcara. Bahagian selebihnya buku panduan ini bertujuan menjelaskan bagaimana untuk melakukan permohonan ini dengan patut.

Bab 4

Soalan yang kerap ditanya berkaitan jaminan

Sekiranya anda telah ditahan, memohon ikat jamin adalah peluang terbaik anda untuk dilepaskan. Kami berpendapat anda tidak akan menyesal membuat permohonan jaminan. Ini bermaksud anda akan mengambil langkah untuk menamatkan tahanan anda. Apa-apa sahajalah keputusannya, kes anda akan didengar oleh hakim bebas di mahkamah.

Apabila kami di BID bertemu dengan mereka yang ditahan dan menjelaskan tentang jaminan, kami mendapati mereka menanyakan soalan yang sama. Oleh sebab itu, kami akan menjawab soalan paling kerap ditanya berkaitan jaminan.

Bolehkah saya mohon ikat jamin?

Ya. Sesiapa pun boleh memohon ikat jamin bagi mereka yang berada dalam penahanan imigresen dan telah berada di UK selama lapan hari. Anda tidak boleh mohon ikat jamin jika anda telah mempunyai permohonan jaminan dalam tempoh 28 hari lalu (dan keadaan anda tidak mempunyai perubahan ketara).

Anda tidak boleh diberi ikat jamin jika Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan arahan untuk pembuangan anda dari UK dalam tempoh 14 hari dari pendengaran jaminan. Arahan pembuangan anda hendaklah termasuk tarikh sebenar Kementerian Dalam Negeri berhasrat untuk membuang anda.

Berapakah kos jaminan?

Tiada. Permohonan jaminan adalah percuma jika anda melakukan sendiri. Jika anda menggunakan perkhidmatan peguam bantuan guaman, anda boleh dipastikan mereka mempunyai pengetahuan tentang undang-undang imigresen. Jika anda menggunakan perkhidmatan peguamcara, mereka akan mengenakan bayaran untuk permohonan jaminan. Yuran mereka adalah di antara £400 sehingga £1000. Ia tidak begitu berbaloi untuk membayar peguamcara untuk mohon jamin untuk anda melainkan anda mempunyai jumlah wang yang banyak.

Adakah saya perlu memberi jaminan kewangan?

Tribunal Peringkat Pertama atau Kementerian Dalam Negeri mungkin akan menyatakan jika anda atau orang yang anda kenali sanggup memberikan jaminan kewangan. Jaminan kewangan diberikan oleh seorang (yang dikenali sebagai ‘penyokong kewangan’) yang boleh datang ke mahkamah, dan berjanji membayar kepada mahkamah jika anda melarikan diri.

ANDA TIDAK MEMERLUKAN PENJAMIN ATAU PENYOKONG KEWANGAN UNTUK MEMOHON IKAT JAMIN.

Sila merujuk kepada bab seterusnya untuk maklumat yang lanjut berkenaan dengan penyokong/penjamin kewangan.

Boleh saya memohon ikat jamin Tribunal tanpa alamat?

Boleh, walaupun ini adalah lebih mudah untuk memperoleh ikat jamin Tribunal jika anda mempunyai alamat yang anda boleh tinggal jika anda dilepaskan dengan jaminan. Jika anda tiada tempat tinggal, anda boleh menjelaskan kepada Tribunal bahawa anda tidak mempunyai kenalan yang anda boleh tinggal bersama and anda memerlukan Kementerian Dalam Negeri untuk menyediakan tempat tinggal jika anda diberi ikat jamin.

Saya telah memohon untuk ikat jamin Kementerian Dalam Negeri. Boleh saya memohon ikat jamin Tribunal juga?

Boleh. Ikat jamin Kementerian Dalam Negeri adalah memohon Kementerian Dalam Negeri (pihak berkuasa pertahanan) untuk melepaskan anda dengan jaminan. Anda boleh memohon ikat jamin pada masa yang sama kepada Tribunal Peringkat Pertama.

Saya hendak mohon jamin tetapi risau akan kesan terhadap kes imigresen saya.

Jangan bimbang. Permohonan untuk jaminan tidak akan menjelaskan kes imigresen anda.

Berapa kali boleh saya memohon ikat jamin?

Anda boleh mohon ikat jamin seberapa kali sahaja. Syaratnya ialah anda mesti tunggu 28 hari di antara pendengaran jaminan, kecuali berlaku perubahan ketara dalam keadaan anda.

Apakah “perubahan dalam keadaan”?

Ini merupakan soalan yang bagus. Ia bergantung kepada keadaan. Jika anda rasa keadaan anda telah berubah dengan ketara untuk membuat permohonan lebih awal dari 28 hari, anda boleh berbincang persoalan anda dengan BID.

Bab 5: Penjamin/Penyokong kewangan (Sureties)

Jika anda telah baca bab sebelum ini, anda pasti tahu anda tidak memerlukan penjamin/penyokong kewangan (**juga dikenali sebagai** sureties) untuk memohon jamin.

Walau bagaimanapun, jika anda cukup bertuah untuk mempunyai penjamin kewangan, bab ini akan menjelaskan bagaimana menggunakan mereka.

Apakah penjamin/penyokong kewangan?

Penyokong kewangan ialah seorang yang berjanji dengan mahkamah bahawa dia akan:

- Memastikan anda masih berhubung dengan pihak berkuasa jika anda dilepaskan dari penahanan.
- Membayar wang kepada mahkamah jika anda mlarikan diri atau tidak mematuhi syarat yang ditetapkan.

**ANDA TIDAK MEMERLUKAN PENYOKONG KEWANGAN UNTUK MEMOHON JAMIN.
WALAU BAGAIMANAPUN MEREKA BOLEH BANTU MENINGKATKAN PELUANG
KEJAYAAN PERMOHONAN JAMINAN.**

Adakah anda memerlukan penjamin/penyokong kewangan untuk memohon ikat jamin?

Tidak. Anda masih boleh mendapat ikan jamin tanpa penjamin. Akan tetapi dengan adanya penjamin kewangan, peluang memperoleh jaminan adalah lebih tinggi.

Jika anda ada penjamin kewangan, anda perlu meletakkan maklumat mereka dalam borang permohonan jaminan. Anda juga boleh menerangkan hubungan anda dengan penjamin kewangan anda dalam ‘alasan bagi ikat jamin’. Terdapat ruang untuk dua penjamin kewangan, tetapi anda tidak terhad kepada dua, malah anda juga boleh meletakkan satu penjamin sahaja, ikut keinginan anda.

Siapakah boleh menjadi penjamin/penyokong kewangan?

Sesiapa yang berada di UK secara sah. Ini termasuk mereka dengan visa pelajar, status pelarian, permit pekerjaan dan warganegara Kesatuan Eropah (European Union). Pencari Lindungan (Asylum seekers) boleh menjadi penjamin kewangan. Mereka yang tidak bekerja boleh menjadi penjamin kewangan asalkan mereka mempunyai wang yang mencukupi.

Penganggur boleh jadi penjamin kewangan, tetapi mereka mesti mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Sekiranya penjamin kewangan anda mempunyai rekod kesalahan jenayah, maka adalah baiknya tidak melantikannya sebagai penjamin. Anda boleh mengadakan perbincangan dengan BID.

Adalah baiknya mengadakan pertemuan sekurang-kurangnya beberapa kali dengan penjamin kewangan justeru itu, jadi dia dapat menerangkan kepada Hakim Imigresen bahawa penjamin kewangan tersebut mengenali anda secara mendalam untuk memastikan anda sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa. Sekiranya mereka tidak bertemu dengan anda beberapa kali tetapi pernah berhubung dengannya beberapa kali melalui panggilan telefon, maka di sini, kemungkinan besar hakim akan menerima mereka sebagai penjamin kewangan.

Penjamin kewangan anda dikehendaki menghadiri sesi pembicaraan jaminan kerana Hakim Imigresen akan mahu berbincang dengan mereka. Pada kebiasaan, Hakim Imigresen tidak akan menerima mana-mana penjamin kewangan yang tidak hadir di mahkamah.

Ramai orang akan bertanya kepada BID adakah mungkin bagi penjamin kewangan menghadiri pembicaraan jaminan tersebut di pusat pembicaraan yang lain. Malangnya, jawapan yang diberikan adalah ‘tidak’.

Bolehkah saya mengemukakan penjamin kewangan jika saya memohon jaminan melalui Kementerian Dalam Negeri.

Boleh. Anda boleh melantik penjamin kewangan sebagai sebahagian daripada permohonan untuk jaminan bagi pihak Kementerian Dalam Negeri iaitu dengan memasukkan segala butiran terperinci dalam Borang Kementerian Dalam Negeri 401 yang mana adalah sama dengan cara pengisian borang permohonan bagi Borang Jaminan Tribunal B1.

MERUJUK KEPADA MUKA SURAT 31 UNTUK MENGENALPASTIKAN MAHKAMAH MANAKAH YANG PERLU ANDA KEMUKAKAN PENJAMIN KEWANGAN. IA ADALAH BERBEZA DI SETIAP PUSAT TAHANAN.

Berapakan jumlah wang yang perlu ditentukan bagi pelantikan penjamin kewangan?

- Tiada jumlah yang ditentukan.
- Penjamin kewangan dikehendaki menawarkan sejumlah yang mana mereka berpendapat tidak akan mengalami kehilangan wang jaminan. Bagi tujuan ini, mereka mungkin akan menawarkan £100 tetapi bagi yang lain mungkin akan menawarkan £2000 atau lebih. Ianya terpulanglah kepada pendapatan dan wang simpanan setiap penjamin kewangan.
- Wang yang ditawarkan mestilah kepunyaan penjamin kewangan and mestilah juga daripada simpanan akaun wang berturut-turut bagi jangka masa selama 3 bulan. Sumber kewangannya tidak boleh datang dari bentuk pinjaman, contohnya dari pinjaman pembankatan atau meminjam daripada kawan-kawan.

- Penjamin kewangan dikehendaki menyertakan salinan penyata akaun bank bagi jangka masa 3 bulan kebelakangan dan/atau slip gaji sebagai bukti di hadapan Hakim bahawa mereka benar-benar mempunyai wang.
- Sekiranya anda memohon jaminan daripada Kementerian Dalam Negeri, maka anda perlulah menyertakan salinan dokumen bukti yang berkenaan seperti salinan penyata akaun bank kepada Kementerian Dalam Negeri bersama dengan borang jaminan permohonan Kementerian Dalam Negeri 401.
Sekiranya anda tidak mempunyai laporan tersebut, bolehkah anda mendapatkan surat rujukan daripada kawan-kawan, bekas majikan, ahli- ahli gereja atau pegawai di pusat tahanan? Mana-mana bahan yang boleh ditunjukkan sebagai bukti kepada mahkamah mengenai tingkah laku anda yang baik akan membantu anda.
- Adalah amat penting bahawa anda mengakui keseriusan kesalahan yang telah anda lakukan. Anda harus cuba meyakinkan hakim bahawa anda memahami kesalahan yang telah dilakukan dan telah insaf dan tidak akan mengulangi kesalahan yang pernah anda lakukan

- Anda juga boleh menyatakan kerelaan anda mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan sebagai alternatif kepada penahanan. Ini termasuk pemantauan elektronik yang biasanya dikenakan ke atas mana-mana individu yang diberi jaminan imigrasi selepas melaksanakan hukuman jenayah.

PENTING: Sekiranya anda berpendapat bahawa anda tidak bersalah dalam pertuduhan yang menyebabkan anda dipenjarakan, anda tidak harus mengungkit perkara ini dalam pendengaran ikat jamin anda. Anda tidak harus membuat hujah sedemikian dalam suatu pendengaran ikat jamin dan hakim perihal imigrasi tidak boleh melawat semula hukuman jenayah yang dikenakan pada anda.

Dalam muka surat berikutnya, anda akan mendapati suatu templat dimana anda boleh menyatakan alasan untuk jaminan anda. Anda boleh manyalin semula templat ini dan berikan alasan-alasan anda.

Cara- cara Menulis Alasan untuk Jaminan Anda

Saya bernama _____ . Saya tidak mempunyai peguam yang boleh mewakili saya untuk urusan ikat jamin. Oleh sebab itu, permohonan akan dibuat oleh saya sendiri menggunakan buku panduan yang dikeluarkan oleh badan amal BID.

Saya tidak akan melarikan diri kerana

Penyingkiran saya dari UK tidak akan berlaku dalam masa terdekat kerana

Sebab-sebab lain mengapa anda harus dibebaskan daripada penahanan

Sekiranya anda telah melakukan kesalahan jenayah dan telah melaksanakan tempoh hukuman, anda harus menambah suatu bahagian yang menyatakan bahawa ‘saya tidak akan mengulangi kesalahan sekiranya dibebaskan daripada penahanan kerana’

Pengurusan Perihal Ikat Jamin

Di bawah Seksyen 5 dalam boring B1 bertanyakan bahawa “adakah anda bersetuju dengan pemindahan pengurusan perihal ikat jamin ke Jabatan Imigrasi?” Sekiranya anda bersetuju atau sekiranya hakim memutuskan sedemikian, maka Jabatan Imigrasi akan membuat keputusan mengenai syarat-syarat kepada kebenaran ikat jamin anda di mana ikat jamin dibenarkan. Ini bermakna Jabatan Imigrasi boleh mengenakan syarat-syarat baru ke atas anda dan anda tidak akan diberi kebenaran untuk merujuk kepada Tribunal walaupun anda tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Jabatan Imigrasi.

Terdapat kemungkinan bahawa Jabatan Imigrasi akan mengambil pandangan yang berbeza mengenai syarat-syarat yang dikenakan ke atas seseorang individu yang dibenarkan ikat jamin. Dalam keadaan sebegini, anda dinasihati supaya tidak bersetuju dengan pemindahan pengurusan perihal ikat jamin ke Jabatan Imigrasi semasa mengisi boring tersebut. Anda boleh menjelaskan sebab anda seperti berikut:

“Saya perlu melihat ringkasan ikat jamin daripada Jabatan Imigrasi serta syarat-syarat yang ingin dikenakan olehnya ke atas saya sekiranya ikat jamin dibenarkan sebelum membuat keputusan samaada untuk bersetuju atau tidak dengan pemindahan pengurusan perihal ikat jamin ke Jabatan Imigrasi.”

Ini bermaksud semasa mengkaji semula ringkasan ikat jamin daripada Jabatan Imigrasi, anda juga perlu mengkaji semula syarat-syarat yang dikenakan dan membuat bantahan ke atas mana-mana syarat yang anda rasa terlalu keras atau tidak diperlukan. Anda boleh membuat hujahan bahawa satu-satunya syarat yang harus dikenakan adalah yang paling minima untuk memastikan anda tidak akan melarikan diri.

Sebab-sebab lain mengapa anda mungkin tidak mahu hakim imigrasi memindahkan tanggungjawab beliau dalam perihal ikat jamin anda ke Jabatan Imigrasi:

1. Sekiranya syarat-syarat ikat jamin yang dikenakan oleh Jabatan Imigrasi adalah lebih ketat daripada syarat-syarat yang dipersetujui oleh hakim imigrasi. Anda mungkin lebih mengambil berat akan syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Imigrasi adalah lebih ketat sekiranya diberi hak pengurusan perihal ikat jamin anda.
2. Sekiranya Jabatan Imigrasi meminta supaya anda tidak dibenarkan belajar walaupun dibebaskan:
 - a. Anda boleh berhujah bahawa ini tiada kena-mengena dengan perkara yang perlu untuk memastikan bahawa anda tidak melarikan diri.
 - b. Anda juga boleh menyatakan bahawa anda amat menitikberatkan bukti ini sebagai bukti bahawa Jabatan Imigrasi akan mengenakan syarat-syarat ikat jamin seperti ini atau syarat lain yang sebenarnya tidak diperlukan ke atas diri anda sekiranya diberi hak pengurusan perihal ikat jamin anda.
 - c. Di mana anda sebenarnya sedang menuntut pelajaran anda boleh membentangkan hujah ini sebagai bukti bahawa anda tidak akan melarikan diri.
3. Sekiranya Jabatan Imigrasi telah manahan semula anda di mana anda pernah dibenarkan ikat jamin sebelumnya dan anda percaya bahawa ini sebenarnya adalah tidak perlu, anda boleh berhujah bahawa anda risau bahawa Jabatan Imigrasi akan menahan semula anda dalam keadaan yang sama.
4. Sekiranya anda mempunyai rayuan imigrasi yang masih belum selesai, ini adalah suatu alasan yang baik supaya pembaharuan semula kebenaran ikat jamin anda didengar bersama rayuan anda di Tribunal, dan Tribunal harus terus melaksanakan tanggungjawab dalam pengurusan perihal ikat jamin anda.

Ambil perhatian bahawa sekiranya hakim imigrasi membenarkan ikat jamin anda di bawah syarat yang sama seperti yang diminta oleh Jabatan Imigrasi dalam ringkasan ikat jamin mereka atau semasa pendengaran ikat jamin, ini mungkin bermakna hakim tersebut akan memutuskan supaya pengurusan perihal ikat jamin anda dipindahkan ke Jabatan Imigrasi. Ini mungkin kerana hakim tersebut berpendapat bahawa Jabatan Imigrasi tidak akan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat sekiranya anda dibenarkan ikat jamin berbanding dengan permintaan yang dibuat semasa pendengaran ikat jamin berlaku.

Anda juga boleh membuat pengesahan kepada hakim imigrasi bahawa anda akan mematuhi segala syarat yang dikenakan ke atas anda, sekiranya dibenarkan ikat jamin, tidak kira samaada Jabatan Imigrasi atau Tribunal yang akan menguruskan perihal ikat jamin anda.

Bab 9: Pendengaran Ikat Jamin

Selepas menghantar borang permohonan untuk ikat jamin anda ke pusat tribunal, suatu pendengaran ikat jamin akan disusunatur untuk anda.

Soalan Serap Ditanya:

Apakah yang berlaku seterusnya?

Selepas beberapa hari, anda akan menerima suatu NOTIS PENDENGARAN. Selalunya anda akan mendapat notis ini melalui faks.

Bagaimakah saya mengetahui tarikh pendengaran tersebut?

Tribunal akan menghantar surat kepada anda untuk memaklumkan tarikh di mana anda perlu menghadiri mahkamah. Mereka akan menghantar suatu dokumen yang mengandungi hanya satu muka surat iaitu ‘Notis Pendengaran’. Sekiranya anda tidak mendapat Notis Pendengaran tersebut, anda harus menghubungai mahkamah melalui talian 0300 123 1711 untuk penyemakan.

Bilakah pendengaran saya akan disenaraikan?

Anda biasanya akan mendapat maklum balas seminggu selepas penghantaran borang permohonan. Pada masa-masa tertentu, mahkamah mungkin menjadi sibuk dan penyenaraian akan memakan masa yang lebih lama (kadang kala 2 minggu)

Bolehkah saya meminta supaya pendengaran berlaku pada tarikh yang tertentu?

Anda boleh berbuat demikian tetapi mahkamah tidak memberi apa-apa jaminan bahawa mereka akan menyenaraikan pendengaran pada hari yang tertentu. Permintaan boleh dibuat melalui borang permohonan B1.

Apakah yang harus saya lakukan apabila memperoleh tarikh pendengaran?

- Memaklumkan mereka yang memberikan bantuan kewangan kepada anda (jika ada) mengenai tarikh mahkamah tersebut supaya mereka boleh hadir ke mahkamah.

- Memaklumkan mereka yang memberikan tempat penginapan kepada anda tarikh mahkamah tersebut supaya mereka boleh hadir ke mahkamah.
- Memaklumkan mana-mana individu yang berkenaan dalam permohonan anda tarikh pendengaran tersebut sekiranya mereka ingin hadir untuk pendengaran tersebut.

Memastikan bahawa penterjemah (yang diminta dalam borang permohonan ikat jamin) dapat hadir pada tarikh tersebut melalui panggilan telefon kepada IAC.

- Kumpulkan semua dokumen yang anda perlukan untuk pendengaran anda
- Berikut adalah senarai dokumen yang anda mungkin perlukan di mahkamah:
 - Suatu salinan borang permohonan ikat jamin anda.
 - Suatu salinan penyataan yang anda sediakan.
 - Ringkasan ikat jamin (lihat bawah).
 - Mereka yang memberikan bantuan kewangan kepada anda perlu membawa pasport asal mereka (bukan salinan) atau dokumen identiti mereka.
 - Penyata bank mereka untuk 3 bulan yang lepas.
 - Bukti pendapatan mereka seperti slip gaji atau surat manfaat untuk 3 bulan yang lepas.
 - Pembekal tempat penginapan anda harus membawa bukti pemilikan harta tersebut. Penyata gadai janji biasanya memadai. Sekiranya pembekal tempat penginapan anda menyewa tempat tersebut, mereka harus mendapatkan suatu surat kebenaran daripada tuan rumah tersebut yang menunjukkan bahawa beliau memberikan izin kepada anda untuk mendiami tempat tersebut (atau mereka boleh menunjukkan perjanjian penyewaan mereka sekiranya ia mengizinkan penyewa membenarkan seseorang mendiami tempat tersebut). Anda tidak boleh tinggal bersama seseorang yang berada dibawah perlindungan Jabatan Imigrasi yang memberi sokongan penginapan melainkan jika mereka merupakan keluarga terdekat anda.
 - Sekiranya anda tidak dapat menunjukkan bukti bahawa anda dibenarkan tinggal di penginapan tersebut, anda juga boleh menyatakan bahawa tiada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa anda tidak dibenarkan untuk tinggal di tempat penginapan tersebut; atau anda boleh dibenarkan ikat jamin dengan syarat bahawa anda akan memberikan apa yang perlu kepada Tribunal dan/ atau Jabatan Imigrasi.
 - Dokumen-dokumen lain yang anda rasa boleh menyokong permohonan anda. Ini termasuk permintaan ikat jamin dengan Jabatan Imigrasi atau permintaan untuk melihat borang pengulasan bulanan anda (borang IS151F) di mana anda tidak menerima apa-apa balasan; dokumen yang menunjukkan keadaan perubatan anda; dokumen yang menunjukkan bahawa anda telah bekerjasama dalam proses dokumentasi perjalanan anda tetapi masih belum diberi dokumen-dokumen perjalanan.

Apakah yang berlaku sebelum pendengaran saya? -Ringkasan Ikat Jamin

- Apabila anda membuat permohonan untuk ikat jamin, Jabatan Imigrasi wajib memaklum balas menggunakan “ringkasan ikat jamin”. Ini adalah suatu dokumen yang menjelaskan mengapa mereka menentang suatu jaminan. Sebab-sebab mengapa Jabatan Imigrasi berpendapat bahawa anda tidak harus dilepaskan akan dimasukkan dalam dokuman ini.
- Anda akan menerima suatu salinan ringkasan ikat jamin dalam tempoh 24 jam atau selewat-lewatnya pada pukul 2 petang sehari sebelum pendengaran ikat jamin anda berlangsung.

Anda perlu meneliti setiap butiran dalam ringkasan ikat jamin tersebut dan mempertimbangkan bagaimana anda akan menjawab setiap butiran tersebut sebagai hujahan anda. Anda harus mencatat setiap jawapan yang ingin anda berikan dalam mahkamah supaya anda tidak melupai apa-apa kandungan

tersebut. Sekiranya terdapat mana-mana bahagian pada ringkasan ikat jamin yang salah, buat catatan supaya anda boleh menunjukkan perkara ini kepada hakim dengan tenang.

Sekiranya anda hanya dibekalkan dengan ringkasan ikat jamin setelah anda berada di mahkamah, anda boleh meminta daripada hakim masa tambahan supaya anda boleh membuat penyediaan untuk hujahan anda sebelum pendengaran di dalam mahkamah. Adalah munasabah bahawa anda diberikan masa tambahan selama satu atau dua jam untuk penyediaan anda sekiranya anda hanya menerima ringkasan ikat jamin tersebut pada hari pendengaran anda.

Pada hari pendengaran

- Masa pendengaran anda tercatat pada notis pendengaran anda. Tetapi semua pendengaran adalah disenaraikan pada masa yang sama, oleh sebab itu anda harus menunggu giliran anda. Hakim akan memutuskan urutan di mana pendengaran berjalan.
- Kebanyakkan pendengaran sekarang dijalankan melalui pautan video. Anda akan ditempatkan di sebuah bilik dalam pusat penyingkiran dan anda akan dapat melihat mahkamah tersebut pada layar skrin. Dalam sesetengah kes, anda akan dibawa ke mahkamah.


Apakah yang akan berlaku semasa pendengaran berlangsung?

Semua pendengaran dijalankan dengan cara yang berbeza tetapi berikut adalah apa yang berlaku dalam pendengaran yang biasa. Ingat bahawa ini mungkin tidak berlaku dalam semua pendengaran. Sekiranya pendengaran anda adalah melalui pautan video, anda tidak akan hadir sendiri ke mahkamah. Sebaliknya, anda akan ditempatkan di sebuah bilik dalam pusat penyingkiran dan berkomunikasi dengan hakim dan penjamin melalui skrin dan mikrofon.

- Pengiring akan mengiringi anda ke sebuah bilik di dalam pusat penyingkiran di mana terdapat sebuah skrin yang dihubungkan kepada mahkamah.
- Hakim akan memasuki mahkamah dan semua yang hadir harus berdiri.
- Hakim akan menyemak butir-butir seperti nama anda dan harus memperkenalkan mereka yang lain yang berada dalam bilik tersebut.
- Hakim akan bertanya kepada Pegawai Penyampaian Jabatan Imigrasi (HOPO) samaada terdapat apa-apa yang beliau ingin nyatakan. Biasanya, HOPO tidak akan menyatakan apa-apa kecuali yang tedapat dalam ringkasan ikat jamin dan bahawa anda harus terus diletakkan di bawah penahanan.
- Kemudian, hakim akan bertanya kepada anda apa-apa yang ingin anda nyatakan. Buat pengesahan bahawa hakim tersebut telah melihat pernyataan anda. Tunjukkan dimana terdapat kesalahan fakta pada ringkasan ikat jamin yang diberikan oleh Jabatan Imigrasi.
- Anda harus diminta untuk memberikan ringkasan mengapa anda harus dilepaskan. Jangan ulangi setiap butiran yang terdapat dalam pernyataan anda. Hanya beritahu hakim tersebut perkara-perkara utama yang memihak kepada anda. Berikan jawapan anda mengikut butiran yang dibentangkan dalam ringkasan ikat jamin tersebut.
- HOPO mungkin akan meyoal anda.
- Hakim boleh membuat pertanyaan mengenai apa-apa perkara yang kurang jelas.
- HOPO akan menyatakan mengapa anda harus terus ditahan.

- Sekiranya hakim berpendapat bahawa anda layak diikat jamin, beliau akan berkomunikasi dengan mereka yang memberi bantuan kewangan kepada anda serta pembekal tempat penginapan.
- Hakim tersebut akan memaklumkan anda keputusan beliau.
Sekiranya ikat jamin dibenarkan, syarat-syarat ikat jamin akan dibincangkan.

Rajah Sebuah Mahkamah Biasa



Keputusan

Terdapat tiga keputusan yang mungkin dicapai melalui pendengaran ikat jamin:

Keputusan	Apa yang dimaksudkan	Apa yang berlaku seterusnya
Permohonan anda dibenarkan	Permohonan anda berjaya dan anda akan dilepaskan	<ul style="list-style-type: none">Hakim akan mengisi borang dan menjelaskan syarat-syarat pelepasan kepada anda. Ini biasanya termasuk anda wajib tinggal di alamat yang anda beri dan mesti melaporkan diri pada masa dan hari tertentu di pejabat imigrasiSekiranya penandaan elektronik diperlukan, ia mungkin memakan masa selama 2 hari bekerja sebelum anda dilepaskan
Permohonan anda ditolak	Anda tidak akan dilepaskan dan akan dibawa balik ke pusat penyingkiran sekiranya anda berada di mahkamah, atau anda akan terus berada di pusat penyingkiran sekiranya pendengaran anda berlangsung melalui pautan video	<ul style="list-style-type: none">Pastikan anda mendapat salinan penolakkan permohonan ikat jamin anda secara bertulis kerana ini akan membantu penumpuan anda dalam persediaan menghadapi pendengaran ikat jamin yang seterusnya.Jangan berputus asa! Amat penting untuk anda memohon semula untuk ikat jamin kerana ramai tahanan yang hanya dilepaskan selepas 4 atau 5 permohonan.Permohonan ikat jamin yang seterusnya boleh dilakukan dalam tempoh 28 hari.Sekiranya terdapat perubahan pada kes anda, anda tidak perlu menunggu selama 28 hari dan permohonan semula boleh dilakukan lebih awal, tetapi anda perlu menunjukkan kepada mahkamah bagaimana keadaan

		anda telah beubah sebelum mereka mempertimbangkan permohonan untuk pelepasan anda
--	--	---

<p>Anda menarik balik permohonan anda untuk jaminan</p>	<p>Ini bermaksud anda membuat keputusan untuk menghentikan kes anda berlaku kerana masalah. Sebagai contoh, penyokong kewangan anda tidak dapat ke mahkamah pada waktunya atau tiba di mahkamah tanpa penyata banknya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Susun apa-apa masalah yang menghalang anda daripada meneruskan kes jaminan dan memohon ikat jamin sekali lagi. • Sekiranya hakim mencadangkan supaya anda menarik balik, maka tidak mungkin anda akan mendapat jaminan. Ia mungkin lebih baik bagi anda untuk menarik balik permohonan anda untuk jaminan dan memohon ikat jamin sekali lagi. • Sekiranya permintaan anda untuk menarik balik permohonan jaminan anda ditolak oleh hakim dan permohonan jaminan anda kemudian ditolak, mungkin ada kemungkinan permohonan jaminan lain yang disenaraikan untuk pendengaran dalam tempoh 28 hari jika anda dapat menunjukkan ada perubahan keadaan misalnya. penyokong kewangan anda boleh menghadiri pendengaran apabila mereka tidak dapat menghadiri pendengaran terdahulu.
---	--	---

Di mana dapat mencari Borang?

Di mana dapat mencari borang permohonan B1

Borang permohonan B1 boleh didapati dalam talian. Anda hanya boleh menaip borang permohonan jaminan B1 ke dalam enjin carian anda.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan borang ini di laman web BID (www.biduk.org).

Anda juga boleh mendapatkan salinan borang ini dari pusat tahanan anda. Sila minta ahli kakitangan untuk memberitahu anda di mana anda boleh mendapatkannya.

Jika anda mempunyai masalah, hubungi kami di BID dan kami akan menghantar anda satu dengan 'outreach pack (pek capaian)'

Kumpulan Pelawat

Kumpulan Pelawat tidak memberi nasihat undang-undang, tetapi boleh melawat dan menawarkan sokongan kepada tahanan. Sekiranya anda ditahan dan ingin seseorang melawat anda, anda boleh menghubungi Association of Visitors in Immigration Detention (AVID) 115 Mare Street, London, E8 4RU, UK. T: 0207 281 0533. E: enquiries@aviddetention.org.uk.

Pusat Penyingkiran	Nama Kumpulan Pelawat	Butiran kenalan
Brook House dan Tinsley House	Kumpulan Kebajikan Tahanan Gatwick	Tel: 01293 657 070 Faks: 01293 474 001 www.gdwg.org.uk
Campsfield House	Selamat Datang	Tel: 01865 722 082 Faks: 01865 792 532 www.asylum-welcome.org.uk
Dungavel	Tahanan Scotland Pelawat	Tel: 0141 248 9799 www.sdv.org.uk
Harmondsworth IRC dan Colnbrook IRC	Tindakan Penahanan	Freephone:0800 587 2096 Tel: 020 7226 3114 Faks: 020 7226 3016

		www.detentionaction.org.uk
Morton Hall	Kumpulan Pelawat Penahanan Morton Hall	Tel: 07758 604 293 www.mortonhallvisitors.org.uk
Yarl's Wood	Yarl's Wood Befrienders	Tel: 01234 272 090 www.ywbefrienders.org.uk

Senarai organisasi yang berguna

Kumpulan berikut memberikan pelbagai nasihat dan maklumat. Jika tidak ada penerangan selepas kumpulan itu maka ia adalah organisasi yang menyediakan pelbagai nasihat (tidak sah) atau sokongan kepada pencari suaka atau pendatang. Hubungi kumpulan yang terdekat dengan tempat tahanan anda atau tempat anda tinggal sebelum anda ditahan.

Asylum Support Appeals Project (ASAP) [Projek Rayuan Sokongan Suaka]

Boleh memberikan nasihat mengenai aplikasi sokongan suaka.

Studio 11/12, Container City Building, 48 Trinity Buoy Wharf, London, E14 OFN Tel: 020 3716 0284

Faks: 020 3716 0272

Talian Nasihat: 020 3716 0283 (Isnin, Rabu & Jumaat 2 petang-4 petang)

Laman web: www.asaproject.org

Bantuan Suaka

Menyediakan nasihat dan representasi undang-undang kepada pencari suaka dan mempunyai bantuan bantuan. Berol House, 25 Ashley Road, London N17 9LJ

Tel: 020 7354 9631

Faks: 020 7354 5620

Barisan Nasihat: 020 7354 9264 (Selasa 1 petang-4 petang)

Laman web: www.asylumaid.org.uk

Tindakan Penahanan

Sebuah organisasi kempen yang juga melawat pusat tahanan.

Leroy House, Unit 3R, 436 Essex Road, nombor telefon bimbit London N1 3QP: 0800 587 2096

Tel: 020 7226 3114

Faks: 020 7226 3016

Laman web: www.detentionaction.org.uk

Kebebasan dari Penyeksaan

Boleh memberikan sokongan perubatan, kaunseling dan laporan medico-undang-undang untuk orang yang menjadi mangsa penyeksaan.

111 Isledon Road, London, N7 7JW Tel: 020 7697 7777

Faks: 020 7697 7799

Laman web: www.freedomfromtorture.org

Keadilan Perubatan

Melantik doktor untuk melawat orang dalam tahanan imigresen.

Tel: 0207 561 7498

Faks: 08450 529370

Laman web: www.medicaljustice.org.uk

Majlis Pelarian

Untuk nasihat dan sokongan berhubung dengan undang-undang dasar suaka

laman web: www.refugeecouncil.org.uk

Pejabat London:

Tel: 020 7346 6700

Faks: 020 3743 9581

Jika anda, atau mengetahui, seorang kanak-kanak ditahan kerana Pejabat Home difikirkan mereka dewasa, maka anda harus menghubungi:

Seksyen Kanak-kanak: Tel: 020 7346 1134
E-mel: children@refugeecouncil.org.uk

Majlis Pelarian Scotland

Nasihat mengenai isu kebajikan pencari suaka dan pelarian
Majlis Pelarian Scotland, 5 Cadogan Square, Glasgow, G2 7PH
Tel: 0141 248 9799
Faks: 0141 243 2499
Laman web: www.scottishrefugeecouncil.org.uk

Mencari Perwakilan dan Aduan Perundangan:

Rangkaian Pusat Undang-Undang

Untuk mengetahui di mana pusat undang-undang terdekat anda dihubungi:
Tingkat 1, Tavis House, 1-6 Tavistock Square, London WC1H 9NA Tel: 020 3637 1330
Laman web: www.lawcentres.org.uk

Office of the Immigration and Services Commissioner (OISC) [Pejabat Pesuruhjaya Imigresen dan Perkhidmatan]

Tingkat 5, 21 Bloomsbury Street, London, WC1B 3HF
Tel: 0345 000 0046 (kadar tempatan), 020 7211 1500
Faks: 020 7211 1553

Penasihat imigresen adalah dikawal oleh OISC. Ini bermaksud penasihat mesti memenuhi keperluan dan piawaian OISC. OISC mempunyai senarai penasihat imigresen yang anda boleh menghubungi. OISC akan mempertimbangkan untuk menyiasat aduan tentang perkhidmatan yang diterima atau kelakuan seorang penasihat di mana ia dibuat terhadap penasihat yang dikawal selia OISC atau seseorang yang memberikan nasihat atau perkhidmatan imigresen secara tidak sah.

Persatuan Undang-Undang

Persatuan Undang-undang adalah badan perwakilan dan pengawalseliaan untuk semua peguam UK dan Wales 13 Chancery Ln, London WC2A 1PL
Tel: 020 7242 1222

Untuk mencari peguam anda, anda boleh menggunakan perkhidmatan dalam talian mereka di:
www.solicitors.lawsociety.org.uk

Nota mengenai membuat aduan:

Jika anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh wakil anda, anda berhak membuat aduan. Anda harus cuba menyelesaikan masalah dengan menulis kepada orang yang bertanggungjawab mengendalikan aduan di firma / organisasi wakil anda sebelum membuat aduan kepada OISC atau Pihak Berkuasa Pengawalseliaan atau Ombudsman Perundangan.

Pihak Berkuasa Peraturan Peguamcara

Tel: 0370 606 2555

Faks: 0121 616 1999

Laman web: www.sra.org.uk

Ombudsman Undang-undang

Tel: 0300 555 0333

Laman web: www.legalombudsman.org.uk

Mengadu kepada Ahli Parlimen

Anggota Parlimen (Ahli Parlimen) mewakili orang yang tinggal di kawasan mereka. Dalam sesetengah kes di mana terdapat keadaan belas kasihan dan di mana semua permohonan dan rayuan lain gagal, Ahli Parlimen boleh campur tangan atas nama tahanan.

Ketahui siapa Ahli Parlimen anda: Tel: 020 7219 4272

Anda perlu memberi kod pos pusat tahanan yang anda berada atau alamat anda jika anda tinggal di UK sebelum ditahan.

Anda boleh menghubungi Ahli Parlimen anda melalui Dewan Rakyat:

Switchborad: 020 7219 3000

Laman web: www.parliament.co.uk

**SENARAI PENGOLAHAN IMIGRASI YANG MENGURUS SKIM
KEWANGAN DEPAN PENYELIDIKAN**

Nama	Alamat	Telefon	Faks
Wilson & Co	<p>697 High Road, Tottenham, London, N17 8AD</p> <p><u>www.wilsonllp.co.uk</u></p> <p>Colnbrook, Harmondsworth, Yarl's Wood</p>	020 8808 7535	020 8880 3393
Lupins Solicitors	<p>10th Floor Tower, 1 Olympian Way, Wembley, Middlesex, HA9 0NP</p> <p><u>www.lawrencelupin.co.uk</u></p> <p>Brook House, Campsfield House, Harmondsworth, Tinsley House, Yarl's Wood</p>	020 8733 7200	020 8733 7250
Duncan Lewis	<p>1 Kingsland High Street, Hackney, London, E8 2JS</p> <p><u>www.duncanlewis.co.uk</u></p> <p>Brook House, Campsfield House, Colnbrook, Harmondsworth, Morton Hall, Tinsley House, The Verne, Yarl's Wood</p>	020 7923 4020	020 7923 3320
Fadiga & Co	<p>257-259 Balham High Road, London, SW17 7BD</p> <p><u>www.fadigaandco.com</u></p>	020 8672 8779	020 8675 5985

	Colnbrook, Harmondsworth, Morton Hall, The Verne, Yarl's Wood		
Howe & Co	1010 Great West Road, Brentford, Middlesex, TW8 9BA <u>www.howe.co.uk</u> Harmondsworth, Tinsley House, Yarl's Wood	020 8840 4688	020 8840 7209
Halliday Reeves Law Firm	Collingwood Buildings, 38 Collingwood Street, Newcastle upon Tyne, NE1 1JF <u>www.hallidayreeves.co.uk</u> Morton Hall, The Verne	0191 477 7728	0191 269 6838
Parker Rhodes Hickmott Solicitors	The Point, Bradmarsh Way Bradmarsh Business Park Rotherham S60 1BP <u>www.prhsolicitors.co.uk</u>	01709 511 100	01709 371 917
Thompson & Co	Morton Hall First Floor 14-16 Mitcham Rd, London, SW17 9NA <u>www.thompsonlaw.co.uk</u> Harmondsworth, Morton Hall, The Verne, Yarl's Wood	0208 682 4040	0208 682 4500
Turpin and Miller LLP	1 Agnes Court, Oxford Road, Oxford, OX4 2EW <u>www.turpinmiller.co.uk</u>	01865 770111	01865 749099

	Campsfield House		
--	------------------	--	--

GLASGOW (dari Dungavel)

Nama	Alamat	Telefon	Faks
Livingstone Brown	84 Carlton Place, Glasgow, G5 9TD www.livbrown.co.uk		
Gray & Co Solicitors	16 Bilsland Drive, Maryhill, Glasgow, G20 9TH www.grayandcoglasgow.co.uk	0141 946 7777	0141 946 9402
Peter G Farrell	70 Royston Rd, Glasgow, G21 2N	0141 552 0033	0141 552 0333
Hamilton Burns WS Drummond Miller LLP	63 Carlton Place Glasgow, G5 9TW www.hamiltonburns.co.uk 65 Bath Street, Glasgow, G2 2DD www.drummondmiller.co.uk	0141 429 0600 0141 332 0086	0141 429 0650 0141 332 8295

GLOSARI

INI ADALAH PENJELASAN SEMUA TERMA YANG DIGUNAKAN DALAM BUKU INI

Detention Duty Advice scheme Skim (DDA) Penasihat Duti Tahanan

Nasihat undang-undang percuma yang disediakan oleh firma undang-undang kepada mereka yang ditahan di tahanan imigresen yang disediakan di bawah bantuan guaman.

Penyebaran

Penyebaran adalah proses di mana Pejabat Rumah bergerak seseorang untuk penginapan di luar London dan Tenggara. Mereka mula-mula dipindahkan ke 'penginapan awal' sementara permohonan untuk mendapatkan sokongan penginapan diproses. Sebaik sahaja permohonan itu telah diproses dan diluluskan, mereka akan dipindahkan ke 'penyebaran penginapan' di tempat lain di UK.

Facilitated Return Scheme (FRS) Skim Pulangan Pemudahcara

Ini adalah skim yang membolehkan tahanan negara asing dihantar kembali ke negara asal mereka. Skim ini dikendalikan oleh Pejabat Rumah.

Tribunal Tier Pertama (Dewan Imigresen dan Suaka)

Tribunal Pertama (Imigresen dan Dewan Asylum) atau FTT ('IAC') adalah Tribunal bebas yang menangani rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Setiausaha Rumah dan pegawai Kerajaan dalam perkara imigrasi, suaka dan warganegara. Ia juga berkaitan dengan semua permohonan jaminan.

Jaminan rumah pejabat

Jaminan rumah pejabat (sebelum ini dikenali sebagai atau ketua Pegawai Imigresen Ketua) adalah salah satu cara orang yang ditahan atau seseorang yang bertindak bagi pihak mereka boleh memohon pembebasan.

Pejabat Rumah - Visa dan Imigresen UK

Jabatan ini di Pejabat Rumah menguruskan kawalan sempadan UK dan menguatkusakan peraturan imigresen dan kastam. Ia juga menganggap permohonan kebenaran untuk masuk atau tinggal di UK dan untuk kewarganegaraan dan suaka.

Hak manusia

Secara umumnya, ini merujuk kepada hak-hak asas yang semua orang sepatutnya mempunyai. Dalam undang-undang UK, mereka merujuk kepada hak-hak yang berasal dari Konvensyen Eropah tentang Hak Asasi Manusia, rangka undang-undang Hak Asasi Manusia Eropah yang harus diikuti oleh UK. Perkara 3 memperkatakan kebebasan dari penyeksaan atau perlakuan atau penghinaan yang tidak berperikemanusiaan atau penghinaan, dan Perkara 8 memperkatakan tentang kehidupan peribadi dan keluarga.

The Immigration and Asylum Chamber (IAC) Dewan Imigresen dan Suaka

Dewan Imigresen dan Asylum adalah sebahagian dari Tribunal Tingkatan Pertama yang mendengar rayuan suaka dan imigrasi dan pendengaran ikat jamin.

Hakim Imigresen (HI) (atau Hakim Tribunal Pertama)

Tajuk yang diberikan kepada ahli Pertubuhan Pertama dan Atas Tribunal (Imigresen dan Dewan Asylum).

Immigration Removal Centre (IRC) Pusat Pemindahan Imigresen

Pusat Pemindahan Imigresen adalah pusat tahanan. Mereka digunakan untuk menahan orang-orang di bawah kuasa Imigresen, termasuk mereka di mana-mana peringkat proses suaka, bukan hanya sebelum penghapusan.

Penginapan permulaan

Penginapan awal disediakan kepada orang bahawa Pejabat Rumah sama ada bersetuju untuk menyokong atau bersetuju untuk menampung sementara ia menganggap sama ada atau tidak untuk terus menyokong seseorang. Ia biasanya diberikan kepada orang yang belum pernah disabitkan kesalahan jenayah sebelumnya. Sekiranya permohonan itu berjaya, orang yang disokong dipindahkan ke tempat penyebaran di tempat lain.

Kajian Kehakiman

Prosedur yang mana Mahkamah Tinggi menentukan kesahihan keputusan yang dibuat oleh badan awam. Semakan kehakiman hanya terbatas pada semakan soal undang-undang, dan tidak diperluas untuk menilai merit keputusan pentadbiran atau fakta kes itu.

Bantuan Guaman

Nasihat undang-undang yang dibayar oleh kerajaan untuk orang yang layak untuk itu, kerana mereka tidak mampu untuk membayar sendiri dan kes imigrasi atau suaka mereka mungkin berjaya.

Wakil Perundangan

Wakil undang-undang adalah seorang peguam atau peguamcara, pekerja peguam atau orang yang diberi kuasa lain yang bertindak untuk pemohon atau perayu berkaitan dengan tuntutan.

Laporan Kemajuan Bulanan (LKB)

Undang-undang mengatakan bahawa Pejabat Rumah harus (i) menyemak penahanan anda secara berkala untuk memastikan penahanan anda masih perlu dan (ii) memberikan sebab bertulis untuk penahanan anda yang sedang berjalan. Ini dilakukan sekali sebulan dalam bentuk LKB.

Notis Pendengaran

Surat dari IAC (Immigration and Asylum Chamber) [Imigresen dan Dewan Asylum] yang memberitahu anda masa, tarikh dan lokasi pendengaran jaminan anda.

Office of the Immigration Services Commissioner (OISC) Pejabat Pesuruhjaya

Perkhidmatan Imigresen

Pesuruhjaya mengawal nasihat imigresen di UK.

Pelaporan

Kebanyakan pencari suaka yang tidak ditahan dijangka melaporkan kepada pusat pelaporan atau balai polis.

Sokongan Seksyen 4

Ini merujuk kepada sokongan yang biasa diberikan kepada orang yang ditahan di bawah Seksyen 4 (1) (c) Akta Imigresen dan Asylum 1999. Seksyen ini kini telah dimansuhkan dan digantikan oleh Seksyen 9, Jadual 10 Akta Imigresen 2016.

Penandaan

Tagging, juga dikenali sebagai pemantauan elektronik, adalah apabila Office Home meletakkan tag elektronik pada seseorang (biasanya pada buku lali mereka), supaya mereka boleh mengesan pergerakan mereka setiap saat. Tribunal boleh memerintahkan penandaan elektronik bagi sesiapa sahaja yang dibebaskan dengan ikat jamin yang sebelum ini disabitkan dengan kesalahan jenayah.

Kemasukan Sementara (KS)

Kemasukan sementara dibebaskan dari tahanan yang dibenarkan oleh Pejabat Rumah. Ini telah digantikan dengan istilah 'Home Office bail'.

Tujuan buku 'Bagaimana Keluar Dari Penahanan' ini adalah menasihati tahanan hak mereka berhubung dengan jaminan. Ia tidak bertujuan memberikan nasihat mengenai aplikasi anda untuk tinggal di UK.

Ia bukan pernyataan undang-undang yang komprehensif yang berkaitan dengan penahanan dan jaminan dan tidak boleh menggantikan wakil undang-undang.

Kami telah cuba membuat panduan ini secepat mungkin pada masa percetakan, tetapi kami tidak boleh bertanggungjawab atas sebarang kesilapan dan memberi amaran kepada anda bahawa dasar undang-undang dan penahanan mungkin berubah.

Untuk memastikan anda mempunyai versi terkini buku, sila hubungi BID di 020 7456 9750. Kami akan menghantar tahanan imigresen versi terkini secara percuma. Untuk wakil undang-undang, panduan boleh didapati di laman web kami, www.biduk.org.

Bail for Immigration Detainees (BID) [Tuntutan Tahanan Imigresen] adalah Amal No. 1077187 berdaftar.

Didaftarkan di England sebagai Syarikat Terhad No. 03803669.

Diakreditasi oleh Pejabat Pesuruhjaya Perkhidmatan Imigresen Ref. Nombor.

N200100147

VERSI INI ADALAH DIKEMAS KINI JANUARI 2018

